

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : KAPTEN AZAHARI BIN HASAN
[PADANG RENGAS]**

TARIKH : 6 JUN 2023 (SELASA)

SOALAN

Kapten Azahari Bin Hasan [Padang Rengas] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah proaktif Kementerian untuk meningkatkan aspek keselamatan pengguna basikal termasuk penyediaan laluan basikal khas dan program-program advokasi sejajar dengan hasrat untuk memaju agenda pengangkutan hijau.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pengangkutan sentiasa memberi penekanan ke atas aspek keselamatan pengguna basikal dalam usaha memupuk penggunaan pengangkutan hijau khususnya di kawasan-kawasan bandar. Dalam hubungan ini, Kementerian Pengangkutan dengan kerjasama Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) dan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti advokasi mengenai langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil semasa menunggang basikal.
2. Sebagai contoh, program *Safety Awareness and Focused Advocacy for Road Users (SAFER)* telah dilaksanakan oleh JPJ di seluruh negara dengan memfokuskan kumpulan sasar berbeza dalam memberi kesedaran tentang keselamatan jalan raya, termasuk penunggang basikal. Perkara ini juga diterapkan dalam Pendidikan Keselamatan Jalan Raya (PKJR) di semua peringkat sekolah (prasekolah, taska, sekolah rendah dan menengah) dengan menerangkan tiga input utama keselamatan iaitu ciri-ciri keselamatan basikal, keselamatan berbasikal di jalan raya dan tatacara berbasikal di jalan raya.
3. Dalam pada itu, MIROS juga telah menerbitkan Buku Panduan Berbasikal Secara Selamat (*Safe Cycling Guide*) pada Januari 2022 bagi memberi panduan kepada orang ramai mengenai teknik pengendalian basikal secara selamat dan mematuhi peraturan jalan raya.
4. Berkenaan dengan penyediaan kemudahan penggunaan basikal seperti lorong dan tempat letak basikal, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui agensinya iaitu PLANMalaysia telah menerbitkan Panduan Pelaksanaan Inisiatif Pembangunan Kejiranan Hijau Bagi Penyediaan Laluan Basikal. Panduan pelaksanaan ini disediakan bagi membantu Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pemaju, badan kerajaan dan bukan kerajaan semasa merancang dan mereka bentuk laluan basikal yang mesra pengguna, selamat,

NO. SOALAN: 117

selesa, bersambungan dan mudah sampai selaras dengan prinsip dan inisiatif pembangunan kejiranan hijau.

Sekian, terima kasih.